

## Kenapa Perlu Lesen Guru Malaysia

Kita sedia maklum di Malaysia sekarang telah ada tidak kurang dari 38000 guru terlatih, ini tidak termasuk mereka yang telah bersara dan bersara awal untuk menukar profesion perguruan. Rata guru-guru menyebut mereka adalah golongan professional sebagaimana peguam, akauntan, jurutera dan doktor dengan alasan telah menerima Diploma atau sijil perguruan setelah mengikut kursus iktisas dalam bidang perguruan sama ada di Universiti atau Institut perguruan. Kursus yang diikuti bersesuaian dengan tahap kelulusan mereka umpamanya bagi guru-guru bukan siswazah dilatih antara 2 hingga 3 tahun di Institut Perguruan sementara Lulusan Ijazah dilatih setahun di Institut perguruan setelah melalui proses temuduga dan syarat kelayakan yang ditetapkan oleh kementerian Pelajaran Malaysia sebelum mengikuti kursus. Universiti juga mengeluarkan guru-guru terlatih setelah para graduan menamatkan pengajian mereka di Universiti dan menyambung pengajian diperingkat Diploma Pendidikan bagi melayakkan mereka menjadi guru. Setelah tamat pengajian iktisan perguruan atau pendidikan makan mereka ini berpeluang diterima menjadi guru yang diiktiraf telah mempunyai kelayakan professional.

Pada awal Tahun 1980 dan 1990 ke arah lesen guru ini telah wujud dengan setiap guru mesti ada permit (Buku Biru) sebelum dibenarkan mengajar sementara yang tidak mengikuti latihan perguruan hanya dibenarkan memiliki permit sementara dan perlu diperbaharui setiap tahun. Pada ketika itu semua guru yang mengajar merasakan mereka mempunyai integriti yang tinggi kerana mereka yang diiktiraf guru dan professional dalam pekerjaan telah diterjemahkan dengan pemilikan sijil perguruan dan permit guru. Rasa sayang dan kebertanggungjawaban kepada profesion perguruan terserlah biarpun hanya disebut “permit mengajar” serta dirasakan ketika itu kami dikatakan guru yang professional dalam melaksanakan agenda pendidikan di dalam bilik darjah biarpun tidak standing dengan doktor, peguam, akauntan dan badan professional yang lain.

Apakah relevannya lesen Guru.

1. Lesen guru adalah merupakan kaedah yang relevan serta boleh mengekalkan integriti guru dari mula ianya diiktiraf sebagai guru hingga akhir hayat walaupun telah berhenti menjadi guru kerajaan dan boleh diguna pakai untuk mengajar disekolah swasta atau membuka kelas sendiri.
2. Mampu menyerlahkan lagi profesion perguruan dengan imej profesional apabila disebut kalau ingin menjadi guru mesti ada lesen guru.
3. Laungan untuk memertabatkan profesion perguruan mesti diterjemahkan dengan kelayakan professional dan pengiktirafan yang sukar dipertikaikan oleh semua pihak diluar komuniti guru maka lesen guru boleh membantu dalam hal ini.
4. Secara tidak langsung pihak berwajib lebih senang untuk membuat kawalan standard kualiti guru, produktiviti guru disemua peringkat pendidikan sama ada disekolah pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi awam dan swasta.
5. Lebih menarik selain daripada seorang guru itu memiliki ijazah asas seperti Penghususan Bahasa Melayu, Sejarah, Kejuruteraan, Ilmu Matematik, Kimia, Fizik, Pendidikan Jasmani dan sebagainya setelah dilatih di IPG maka mereka

ini telah dianugerahkan diploma Pendidikan atau sijil perguruan untuk meneruskan kerjaya di dalam bidang perguruan.

6. Satu pengiktirafan kerajaan kepada profession perguruan supaya guru-guru yang mempunyai lesen ini diharap akan mendapat pula pengiktirafan di peringkat dunia dan boleh mengajar dimana-mana negara sebagaimana pengiktirafan kelulusan akademik pelajar negara kita untuk menyambung pelajaran ke luar negara hasil didikan guru-guru kita.
7. Ianya sebagai persediaan kita menuju ke arah negara maju menjelang 2020.

#### Cara Perlaksanaan.

Bukanlah menjadi perkara yang sukar untuk memberi lesen kepada guru-guru di Malaysia ini kerana semua guru yang mempunyai kelayakan Iktisas terlebih dahulu telah dilatih dalam Bidang Perguruan sama ada di Universiti atau Institut Perguruan dalam tempoh enam hingga tiga tahun. Mereka pula hanya layak dianugerahkan sijil atau diploma setelah memenuhi syarat lulus yang telah ditetapkan oleh badan berwajib mengeluarkan diploma dan sijil perguruan.

#### Maka

1. Guru yang lulus dan memiliki diploma dan sijil perguruan ini boleh dikeluarkan lesen guru mengikut bidang penghususan (opsyen) mereka seperti juga doktor, peguam dan lain-lain badan professional yang lain.
2. Kerajaan perlu mewujudkan Majlis Guru Malaysia sebagai badan pemantau dan pengeluar lesen guru bagi memastikan etika dan tatasusila profesion perguruan dipatuhi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan sebelum lesen guru dikeluarkan kepada guru-guru yang berkelayakan.
3. Menyediakan ruang cacatan pada lesen guru bagi guru-guru yang menambah opsyen iktisas mereka.
4. Mewajibkan dalam tempoh tertentu mengikuti kursus lanjutan jika berlaku perubahan kurikulum pendidikan Negara.
5. Boleh diambil tindakan sekiranya dengan sengaja melanggar etika dan tatasusila profession perguruan.
6. Mewujudkan Jawatankuasa Khas dalam Majlis Guru Malaysia yang boleh membantu guru bermasalah dalam bidang tugas melalui sesi kaunseling, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar supaya mereka diberi peluang kali kedua membetulkan kesilapan sebelum diberi tindakan tunjuk sebab atau tindakan tatatertib atau dibuang kerja.
7. Badan pemantau yang sedia ada terutama Jemaah Nazir Sekolah Malaysia dan Institut Latihan Perguruan Malaysia boleh dipertanggungjawabkan untuk bersama Majlis Guru Malaysia memastikan kualiti guru yang diberi lesen dapat dikekalkan.

#### Kesimpulannya.

Sekiranya Kerajaan Malaysia ingin memartabatkan Profession Perguruan di Malaysia maka seharusnya kualiti guru perlu diiktiraf melalui Pemberian Lesen Guru kepada

setiap guru yang ada kelulusan iktisas perguruan tambahan pula Kementerian Pelajaran hari ini telah diterajui bersama oleh golongan bukan professional perguruan terutama dari kalangan Pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD). Saya penuh yakin maruah dan martabat guru akan terserlah melalui pemilikan lesen professional perguruan sebagaimana dinyatakan oleh YB Dato' Dr Fuad Zarkasi Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia.

Perlu dingatkan pemberian lesen guru ini bukan bertujuan untuk menghukum guru yang tergelincir dari tugas dan tanggungjawab mereka tetapi untuk 'MEMARTABATKAN PROFESION PERGURUAN DI MALAYSIA'

Walau bagaimanapun sebelum dilaksanakan perlu ditubuhkan Jawatankuasa Khas Peringkat Kementerian mengkaji keperluan dan Perlaksanaan Pemberian Lesen Guru. Jawatankuasa ini perlu diberi masa yang secukupnya sebelum sebarang keputusan dibuat tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak yang BOLEH MEMPENGARUHI PERLAKSANAAN NYA NANTI.

Disediakan oleh

Haji Mohamed Sabri bin Hj. Mohamed Arsad  
Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB)  
Merangkap Timbalan Presiden KONGRES Guru Malaysia.